



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	14/1/2020	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Selangor belum putuskan tarif air

SHAH ALAM - Kadar baharu tarif air di Selangor belum boleh diputuskan kerana kerajaan negeri masih menunggu maklum balas mengenainya daripada kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan Selangor tidak boleh bergerak 'sendirian' dalam isu berkenaan kerana sebarang perubahan atau penetapan kadar baharu tarif air akan dibuat oleh kerajaan Persekutuan secara menyeluruh dengan negeri lain.

Menurutnya, bagaimanapun, antara aspek penting yang dipertincikan dalam rundingan itu sekiranya perlu menetapkan kadar baharu tarif air bagi rakyat di negeri itu adalah tahap keléstarian bekalan dan kemampuan syarikat terlibat dalam menyelenggara fasiliti industri air.

"Perbincangan (mengenai penetapan kadar baharu tarif air)

sudah bertahun-tahun dilakukan. Sama ada sudah tiba masanya (untuk mengumumkan kadar baharu), kita sedang membuat keputusan itu dan akan memaklukkannya pada masa hadapan," katanya.

Amirudin berkata, sejak pihaknya mengambil alih tampuk pentadbiran kerajaan negeri hampir dua tahun lepas, pelbagai kajian mengenai pelarasan tarif air telah dijalankan mencakupi kesemua aspek termasuk pelaksanaan dasar air percuma ketika ini.

"Paling baik (dalam menentukan kadar baharu tarif air) adalah apabila keuntungan Air Selangor Sdn Bhd (syarikat operator air) mampu dikembalikan kepada rakyat menerusi program air percuma negeri. Sekarang ini 50 peratus (kos pemberian air percuma) ditanggung kerajaan negeri dan 50 peratus lagi hasil margin (keuntungan) Air Selangor," katanya.